



PAK CIPAN  
online

Hai...apa khabar adik-adik semua?

Sihat, Pak Cipan!

Apa aktiviti adik-adik sekarang?

Sekarang cuti sekolah. Tapi, cuti sekolah norma baharu... Dahsyat betul pandemik COVID-19 yang melanda dunia. Betul ke penyakit ni bawaan daripada hidupan liar, Pak Cipan?

Masih banyak yang belum diketahui tentang asal-usul penyakit ini. Tetapi, virus penyebab COVID-19 disyaki berasal daripada haiwan dan telah bermutasi untuk menjangkiti manusia.

Macam mana boleh jadi sampai macam itu?

Konflik manusia-hidupan liar 😞. Ia merujuk kepada interaksi antara manusia dan hidupan liar dan hasilnya memberi impak negatif kepada manusia, haiwan, sumber dan habitat alam semula jadi. Nanti boleh lihat hasil tulisan Pak Cipan di dalam Buletin Tapir, ya? Tentang Pak Cipan ada terangkan tentang bagaimana konflik manusia-hidupan liar boleh menyebabkan pelbagai penyakit bawaan haiwan.

Ok...

Kenapa macam tak bersemangat?

Situasi sekarang ni Pak Cipan... Tambahan pula, tadi, Pak Cipan ceritakan tentang konflik manusia-hidupan liar. Macam tak ada apa-apa yang boleh dilakukan untuk menyelesaikan masalah ini... 😞 😞 😞

Kenapa berfikiran begitu? Sekarang, adik-adik dah tahu tentang masalah ini. Apa yang adik-adik perlu buat adalah belajar rajin-rajin. Nanti apabila sudah dewasa, boleh membantu negara untuk menguruskan pelbagai isu alam sekitar demi menjaga kemaslahatan masyarakat, terutama di Malaysia.

Untuk masa sekarang, terus patuhi SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Ia amat penting untuk memutuskan rangkaian jangkitan virus penyebab penyakit COVID-19. Nanti kita boleh pulang semula ke sekolah.

(HOTLINE PERHILITAN: 1-800-88-5151)

HOTLINE PERHILITAN?

Ya, laporan kepada pihak berkuasa sekiranya adik-adik tahu terdapat hidupan liar yang terancam seperti kemalangan jalan raya dan pemerdagangan hidupan liar terutama media sosial.

Kita mesti sentiasa peka isu-isu seperti ini supaya kita dapat mengelakkan pandemik seperti ini berlaku lagi.


Baik, terima kasih Pak Cipan 😊. Betul, kita perlu ambil tindakan yang pro-aktif. kita boleh lakukannya bersama! 😊 😊 😊

Ya! Inilah semangat yang kita perlukan. 🙌 🙌

Sentiasa jaga kesihatan ya? Jaga diri dan keluarga. Mudah-mudahan kita sentiasa terselamat daripada dijangkiti COVID-19.


Dibiaya oleh Kesatuan Negara-Negara Eropah





## Tahukah adik-adik dari mana datangnya penyakit Coronavirus (COVID-19) dan apa kaitannya dengan hidupan liar?


Penyakit bawaan haiwan digelar penyakit zoonotik atau zoonosis adalah penyakit berjangkit yang ditularkan dari haiwan vertebrata kepada manusia. Penyakit zoonotik disebabkan oleh virus, bakteria, parasit dan kulat yang merbahaya.



Penyakit COVID-19 adalah disebabkan oleh virus SARS-CoV-2. Meskipun tiada bukti kukuh, virus tersebut disyaki berasal daripada sebuah pasar basah di Wuhan, China, yang menjual ikan dan juga hidupan liar. Pasar basah tersebut dilaporkan menjual ikan, hidupan laut dan pelbagai hidupan eksotik, termasuklah hidupan liar. Sesetengah haiwan yang terdapat di pasar tersebut masih hidup. Haiwan yang kelihatan sihat sebenarnya mampu menyebarkan penyakit terutama apabila haiwan tersebut mengalami stres (seperti dikurung di dalam sangkar atau masih lagi menanggung sakit akibat terjerat).

Agen pembawa penyakit daripada haiwan boleh menjangkiti manusia melalui pelbagai cara. Antaranya rembesan bendalir seperti air liur, lendir, darah dan najis haiwan. Apabila hidupan liar dan eksotik dijual di pasar seperti di pasar basah Wuhan, peluang untuk menjangkiti manusia menjadi lebih tinggi. Virus SARS-CoV-2 bukan sahaja telah menjangkiti manusia daripada haiwan, malah kini, virus tersebut telah boleh menjangkiti sesama manusia dan menyebabkan Pandemik COVID-19.

Tahukah anda penyakit Ebola, kencing tikus, chikungunya, denggi dan selsema burung juga merupakan sejenis penyakit zoonotik?



Penyebaran penyakit zoonotik dirancakkan lagi oleh aktiviti pemburuan haram, pemerdagangan hidupan liar dan kemusnahan habitat. Aktiviti-aktiviti ini telah menyebabkan konflik antara manusia dengan hidupan liar semakin parah.

### Aktiviti pemburuan haram dan pemerdagangan hidupan liar

Hidupan liar seperti ular, harimau, gajah dan beruang sering diburu oleh pemburu haram untuk organ mereka yang kononnya mampu menyembuhkan penyakit. Hidupan liar juga diburu dan disimpan sebagai trofi oleh pemburu haram. Ada juga hidupan liar yang diburu untuk dimakan dan ada juga yang dijual sebagai haiwan peliharaan. Mereka diburu dengan pelbagai cara termasuklah dengan menggunakan jerangkap samar.

Jerangkap samar sering dipasang oleh pemburu haram untuk menangkap haiwan liar yang sering berkeliaran ataupun bersifat kriptik (mudah menyamar). Jerangkap samar yang dipasang biasanya akan memerangkap kaki haiwan supaya mereka tidak dapat melepaskan diri dan pemburu dapat menangkap haiwan ketika mereka masih hidup bagi memastikan anggota badan haiwan seperti kulit, kuku dan gigi tidak rosak dan dapat diperdagangkan.



(Foto: Berita Harian)

Seorang lelaki ditahan kerana memiliki burung eksotik tanpa kebenaran. Burung-burung yang ditemui adalah spesies yang dilindungi mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.



(Foto: Syahirah Abdullah/Harian Metro)

PERHILITAN telah merampas tiga ekor anak musang pulut yang disimpan untuk dijual menerusi laman sosial Facebook dan WhatsApp.




(Foto: WWF)

▲ Harimau yang terkena jerangkap samar



(Foto: PERHILITAN)

▲ Kaki beruang madu kudung dan terdapat kecederaan lama dipercayai terkena jerat



(Foto: MNS)

▲ Disebabkan pembinaan jalan raya yang telah mengakibatkan fragmentasi hutan, hidupan liar berisiko tinggi untuk dilanggar ketika melintasi jalan.

## Kemusnahan habitat semulajadi

Pembangunan pesat telah menyebabkan habitat hutan di negara kita semakin kecil. Oleh itu, hidupan liar, terpaksa keluar dari hutan atau melalui penempatan manusia untuk mencari tempat tinggal dan makanan. Ini mewujudkan konflik dengan manusia. Saban tahun, PERHILITAN menerima pelbagai aduan akibat gangguan hidupan liar seperti gajah, babi hutan dan monyet. Selain itu, terdapat juga laporan kematian hidupan liar akibat kemalangan di jalan raya yang disebabkan oleh kemusnahan habitat dan fragmentasi hutan.

Apabila hidupan liar menghampiri manusia, sama ada secara sengaja atau tidak, agen penyakit zoonotik yang merbahaya berpotensi untuk berpindah dari haiwan ke manusia, seperti mana penyebaran virus penyebab COVID-19. Oleh itu, aktiviti pemerdagangan hidupan liar perlu dihentikan. Manusia juga perlu menguruskan konflik manusia-hidupan liar untuk mengelakkan kehadiran penyakit zoonotik pada masa akan datang.



◀  
Hidupan liar seperti gajah, monyet dan babi hutan berkeliaran di ladang kelapa sawit dan kilang pemprosesan sawit.

(Foto: Management and Ecology of Malaysian Elephants)

## PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN HIDUPAN LIAR DI MALAYSIA

Di Malaysia, Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) mengelaskan status perlindungan hidupan liar kepada dua kategori, iaitu 'hidupan liar yang dilindungi' (Jadual Pertama) dan 'hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya' (Jadual Kedua).



Syukur negara kita mempunyai undang-undang yang memelihara hidupan liar

### IUCN Red List of Threatened Species

Merupakan penanda tahap keterancaman pelbagai spesies hidupan liar dan tumbuhan. Senarai ini menamakan tahap keterancaman hidupan tersebut sebagai *Vulnerable*, *Endangered* dan *Critically Endangered*. Selain itu, senarai ini juga menjadi panduan untuk aktiviti pemuliharaan biodiversiti dan penggubalan polisi yang sesuai untuk kelangsungan spesies hidupan liar yang disenaraikan. Haiwan yang tersenarai sebagai *Critically Endangered* mempunyai risiko untuk pupus dalam masa terdekat berbanding haiwan-haiwan yang berstatus *Vulnerable* atau *Endangered*. Oleh itu, pelan untuk memelihara dan memulihara spesies ini amat penting dan tindakan perlu dilakukan segera.

Malaysia juga menggunakan senarai *Red List of Mammals of Peninsular Malaysia* bagi memberi status perlindungan kepada mamalia-mamalia di Semenanjung Malaysia. Oleh itu, status haiwan yang tersenarai di dalam *Red List of Mammals of Peninsular Malaysia* mungkin berbeza daripada senarai *IUCN Red List of Threatened Species*.




### Malay Tapir

*Tapirus indicus*

CITATION  
Traeholt, C., Novarino, W., bin Saaban, S., Shwe, N.M., Lynam, A., Zainuddin, Z., Simpson, B., & bin Mohd, S. 2016. *Tapirus indicus*. The IUCN Red List of Threatened Species 2016: e.T21472A45173636. <https://dx.doi.org/10.2305> /IUCN.UK.2016-1.RLTS.T21472A45173636.en. Downloaded on 02 April 2020.

NOT EVALUATED	DATA DEFICIENT	LEAST CONCERN	NEAR THREATENED	VULNERABLE
NE	DD	LC	NT	VU



### CITES (The Convention on International Trade of Endangered Species of Wild Flora and Fauna)

merupakan sebuah perjanjian antarabangsa untuk memastikan perdagangan antarabangsa yang melibatkan spesies haiwan liar dan tumbuhan liar, tidak akan menjelaskan kelangsungan populasi spesies tersebut. Malaysia telah menguatkusakan Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 (Akta 686) atau *International Trade in Endangered Species Act 2008 (Act 686)* ataupun INTESA 2008 untuk mengawal selia aktiviti permerdagangan hidupan liar di Malaysia. Spesies yang dilindungi dalam CITES telah dikelaskan kepada tiga kategori seperti di bawah.

Pengelasan	Maklumat
Appendix I	Spesies yang diancam kepupusan di mana sebarang pemerdagangan specimen spesies ini adalah tidak dibenarkan, kecuali untuk import bukan komersial, i.e. penyelidikan saintifik
Appendix II	Spesies yang tidak semestinya diancam kepupusan tetapi berkemungkinan akan diancam kepupusan. Jadi, pemerdagangannya spesies dalam appendiks ini adalah dikawal dengan ketat
Appendix III	Spesies yang harus dilindungi atas permintaan sesebuah parti atau negara, di mana kerjasama daripada parti atau negara lain amatlah diperlukan untuk mengelakkan permerdagangan yang tidak mapan atau eksploitasi secara haram



Dapatkan maklumat lanjut berkaitan CITES di sini:



*Malaysia Biodiversity Information System* (MyBIS) adalah satu pangkalan data yang memberi akses kepada maklumat-maklumat berkaitan kajian dan pengurusan biodiversiti di Malaysia. Layari MyBIS di sini:



Cuba cari status perlindungan untuk beberapa haiwan seperti, harimau, orang utan, tapir dan gajah. Adakah terdapat perbezaan di antara status perlindungan bagi haiwan tersebut berdasarkan *IUCN Red List of Threatened Species* dan *Red List of Mammals of Peninsular Malaysia*?

### UJI MINDA DENGAN AKTIVITI INTERAKTIF INI

Aktiviti ini boleh meningkatkan pemahaman tentang konflik manusia-hidupan liar serta cara-cara untuk mencari status perlindungan hidupan liar di Malaysia!

Klik ataupun imbas kod QR ini untuk mendapatkan kuiz tersebut.



# AKTIVITI KELAB PENCINTA ALAM



Tercari-cari idea untuk aktiviti Kelab Pencinta Alam semasa sekolah dibuka nanti? Mari kita tinjau aktiviti KPA oleh raka-rakan Kelab Pencinta Alam yang lain (yang telah dijalankan sebelum bulan Mac 2020).

## Aktiviti 1

Kategori:  
**Penanaman/Perkebunan**

Seramai 35 murid Kelab Pencinta Alam SK Felda Mempaga 2, menyumbang tenaga mereka dengan melakukan aktiviti menyiram, menggembur tanah dan juga merumput bagi menjaga penanaman pokok sekolah mereka. Aktiviti ini dapat memupuk semangat cintakan kehijauan dan menjaga kebersihan. Murid juga telah mempelajari asas-asas dan teknik berkebun yang betul daripada guru masing-masing.



Kategori:  
**Pengurusan Sisa/Kitar Semula**

80 warga SK Seri Gambut telah membuat pengumpulan bahan sisa pepejal yang boleh dikitar semula untuk dijual ke pengumpul kawasan setempat mereka. Sebanyak 112kg kotak kadbur, 24 kg buku (kartas), 14 kg plastik dan juga 7kg besi telah dikumpul secara keseluruhan. Aktiviti ini telah berjaya menjana pendapatan untuk kelab mereka serta menggalakkan aktiviti kitar semula di kalangan murid dan warga sekolah. Aktiviti ini juga dapat memberi pemahaman tentang pelbagai sisa kitar semula dan kod-kod label yang terdapat pada sisa kitar semula.

## Aktiviti 2



# AKTIVITI KELAB PENCINTA ALAM

## Aktiviti


3

Kategori:  
**Kajian Alam**

Gunakan masa perjumpaan aktiviti anda sebaiknya dengan mempelajari dan menghayati landskap sekolah anda. Murid SK Assunta Convent Kuantan telah melakukan lawatan ke landskap taman herba di sekolah mereka untuk mempelajari nama tumbuhan yang sedia ada. Murid juga telah belajar mengenai kitaran hidup, morfologi dan habitat tumbuhan.



Idea-idea ini juga boleh dilakukan di rumah bersama ahli keluarga!



Pastikan anda mengamalkan penjarakan sosial semasa melakukan aktiviti-aktiviti ini!



**Projek Kelab Pencinta Alam (School Nature Club Project)**

JKR 641, Jalan Kelantan  
Bukit Persekutuan  
50480 Kuala Lumpur

Tel: 03-22879422 Fax: 03-22878773 Email: [kpa@mns.org.my](mailto:kpa@mns.org.my) Laman web: [www.mns.my](http://www.mns.my)

**Borang Pendaftaran / Pembaharuan Keahlian Kelab Pecinta Alam Tahunan**  
**School Nature Club Yearly Registration / Renewal Form Tahun/Year: \_\_\_\_\_**

1. Nama sekolah / School Name: \_\_\_\_\_
2. Alamat sekolah / School address: \_\_\_\_\_
3. Telefon / Telephone: \_\_\_\_\_
4. Faks / Fax: \_\_\_\_\_
5. Emel / Email (Sekolah/School): \_\_\_\_\_
6. Nama Pengetua / Name of principal: \_\_\_\_\_
7. Maklumat Guru Penasihat:

Bil/No	Nama/Name	No.Tel/Contact No.	Emel/Email
1			
2			
3			

8. Bilangan keahlian / No of member: \_\_\_\_\_ orang (tidak termasuk guru penasihat)

9. Maklumat pembayaran (Yuran tahunan RM50.00 setiap sekolah setahun)

- Tunai/Cash (Bayaran terus kepada Urusetia. Sila pastikan anda menerima resit sementara sebagai bukti bayaran)
- Cek bernombor/Cheque no. \_\_\_\_\_  
(Bayaran atas nama “**Malaysian Nature Society**”)
- Wang pos bernombor/Postal order \_\_\_\_\_  
(Bayaran atas nama “**Malaysian Nature Society**”)
- Pindahan wang kepada /Bank transfer to:  
 CIMB (No. akaun: 8000832963) atau  
 Maybank (No. akaun: 012-138-304-679)

(Sila lepaskan slip pindahan wang bersama borang sebagai rujukan/ Please attach bank slip for reference)

Sila sertakan butir-butir berikut:

1. Nama guru penasihat dan senarai jawatankuasa/ List of teacher advisor
2. Senarai nama penuh ahli kelab / Full name list of member
3. Laporan tahunan kelab / Annual report